

UCSI tawar program kejururawatan

Oleh Mohd Khairul
Anam Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my
Kuala Lumpur

Dalam era globalisasi, tidak dinafikan kejururawatan adalah antara bidang kerjaya yang penting dan menjadi pendukung utama dalam industri perubatan di Malaysia dan pada peringkat antarabangsa.

Malah, bidang itu semakin mendapat sambutan, terutama daripada pelajar lelaki, sekali gus menawarkan peluang pekerjaan meluas di dalam maupun luar negara.

Menyedari kepentingan itu, Universiti UCSI, di sini, menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti program Ijazah Kejururawatan yang ditawarkannya.

Ketua Jabatan Kejururawatan universiti itu, Puan Norizun Mohd Noor, berkata untuk memastikan jaminan kualiti pendidikan yang terbaik, pihaknya amat menitikberatkan aspek kriteria pemilihan tenaga pengajar.

Ini termasuk mengambil pensyarahan yang pernah

berkhidmat sebagai jururawat dan memiliki sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam bidang klinikal serta mempunyai kelayakan akademik sarjana dan ke atas.

Kerjaya mencabar

"Ahli-ahli akademik fakulti ini memiliki pengalaman luas dan sebahagiannya mempunyai kepakaran dalam penjagaan unit rawatan rapi (ICU), ortopedik dan komuniti.

"Melalui program mentor pula, setiap pelajar program ini akan dibimbing oleh seorang pensyarah sejak daripada tahun pertama lagi, manakala perkembangan mereka dipantau secara berterusan hingga tamat pengajian," katanya kepada BH SKOR, baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelajar Kejururawatan universiti berkenaan, Daniel Chan Kian An menyifatkan kerjaya jururawat adalah mencabar di samping memerlukan seseorang supaya bersedia dari aspek mental dan fizikal serta menuntut ketahanan diri yang tinggi.

"Pernah saya melihat tiga orang jururawat wanita terpaksa berusaha kuat mengangkat seorang pesakit yang berbadan besar. Sekiranya ada jururawat lelaki pada waktu itu, pasti kerja mereka akan menjadi lebih mudah," katanya.

info.

Program Ijazah Kejururawatan

- **Program** selama empat tahun itu sudah dilaksana bermula pada 2003
- **Bagi** mengikuti program asasi, pelajar lepasan SPM perlu memiliki kredit dalam Bahasa Melayu, Matematik atau salah satu subjek sains umum dan mesti lulus bahasa Inggeris
- **Mendapat** status akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- **Diiktiraf** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Lembaga Jururawat Malaysia



Pelajar program Ijazah Kejururawatan UCSI.